

Ekonomi terbuka beri manfaat

KUALA LUMPUR 3 Mei - Malaysia menerima manfaat besar terhadap kemasukan pelaburan asing langsung (FDI) di rantau ini disebabkan ekonomi terbuka yang diamalkan telah mewujudkan bidang pekerjaan baharu, pertumbuhan ekonomi yang tinggi serta memacu pemindahan teknologi dan kemahiran.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, polisi mesra perniagaan Malaysia berjaya menarik FDI sejak berdekad lalu dari pusat ekonomi yang berkembang maju seperti Singapura, Hong Kong, China, Jepun, Arab Saudi, Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Pada November 2016 sahaja, Malaysia menandatangani lebih 10 memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian lain dengan rakan global bernilai lebih RM144 bilion, diikuti beberapa MoU bernilai berbilion ringgit tahun berikutnya," katanya dalam artikel yang disiarkan di *Business World Online* semalam.

Katanya, pelaburan yang datang daripada Japan International Cooperation Agency (JICA) sahaja



**KEMASUKAN FDI di rantau ini mewujudkan bidang pekerjaan baharu. -
GAMBAR HIASAN**

berjumlah kira-kira RM33 bilion dan jumlah sebenar mungkin akan meningkat melebihi angka berkenaan.

Siew Keong berkata, Malaysia adalah negara pertama di ASEAN yang mewujudkan hubungan diplomatik dengan China melalui usaha Perdana Menteri Malaysia Kedua, Tun Abdul Razak Hussein, lebih 40 tahun lalu, yang berkembang pesat sejak dekad lalu, melalui penyertaan China ke

dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia pada 2001.

Di dalam artikel berkenaan, Siew Keong berkata, pelaburan China dinilai secara tidak adil yang mana hakikatnya ia adalah strategi yang dirancang dengan teliti sejak beberapa dekad.

"Adalah sangat malang apabila perbincangan mengenai pelaburan China di Malaysia terlalu dipolitikkan selain maklumat yang salah.